

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn
di-Upachara Pelancharan Jubli Perak, Kesatuan
Pelajar-Pelajar Melayu Selangor, di-Dewan Belia,
Kampong Pandan, Kuala Lumpur pada 20.3. 1971 pukul
8.00 malam.

=====

Bersempena dengan perayaan Jubli Perak KPPMS, saya menyeru
pelajar2 sakalian memerhati keadaan di-keliling kita. Kita harus
memerhatikan perkembangan2 di-masa yang lampau, kejadian dan perubahan
sekarang dan meninjau kepada aliran2 zaman di-masa akan datang.
Di-samping itu, chari-lah jawapan kepada pertanyaan yang berbunyi:-

Apakah peranan kita masing2 di-tanah ayer kita sendiri?

Di-samping membuka beribu2 ekar tanah untok ra'ayat, di-
samping mendirikan kilang2 perusahaan, kita telah mendapat kemajuan
yang pesat dalam bidang pelajaran. Beratus2 juta ringgit telah di-
churahkan oleh kerajaan untok menyedia dan mengadakan pelajaran. Kita
sama2 sedar adalah menjadi kewajipan belia sakalian mengisi kepala mereka
dengan seberapa banyak ilmu pengetahuan yang boleh.

Suka saya ingatkan pelajar2 sakalian, bahawa ilmu pengetahuan
itu bukan-lah menjadi matalamat perjuangan kita tetapi sabalek-nya
ia-nya menjadi perkakas untok kepentingan masharakat dan negara, termasuk
kita sendiri. Pelajar2 janganlah hendak-nya, sesudah berjaya dalam
pelajaran berasa sombong dan bongkak. Sa-boleh2-nya latehlah diri dari
sekarang supaya menjadi ra'ayat yang mempunyai budi pekerti yang baik
di-samping mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi.

Perpaduan dan keharmonian Malaysia di-perkukuhkan dengan ada-
nya satu bahasa kebangsaan sahaja, ia-itu Bahasa Malaysia. Maka hendak-
lah kita terima sabagai kewajipan kita yang penting untok menguasai
dengan sapenoh-nya Bahasa Kebangsaan kita, mengguna-nya serta berusaha
memperkembangkan bahasa kita ini untok menjadi bahasa moden dan
saintifik. Ada gulongan orang2 Melayu berkata bahawa oleh kerana bahasa
itu bahasa mereka, maka ta' payahlah mereka mempelajari-nya bersunggho2

dan eengan lebeh mendalam. Penting-nya pengkajian bahasa ini dengan mendalam bukan sahaja di-dalam perchakapan tiap2 hari, tetapi juga dalam mempelajari mata2 pelajaran sains dan ilmu hisab. Terdapat juga mereka2 yang mengatakan Kementerian Pelajaran agak terlalu lambat menggunakan Bahasa Malaysia sapenoh-nya terutama-nya dalam mata2 pelajaran sains dan ilmu hisab. Saya suka mengingatkan jenerasi muda sakalian, bahawa segala usaha ada-lah di-buat oleh Kementerian saya untok menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam semua mata pelajaran.

Kita jangan-lah selalu main sentimen, tetapi kita mestilah menghadapi kenyataan. Kenyataan itu telah pun di-ranchangkan bahawa apabila anak2 kita masok ka-universiti2 negara ini pada tahun 1983, semua mata pelajaran termasuk sains dan ilmu hisab akan di-ajar dalam Bahasa Malaysia. Ini adalah mengikut proses yang telah kita mulakan pada tahun 1970, di-mana murid2 Darjah I di-Sekolah2 Rendah Kebangsaan dan Rendzh Jenis Kebangsaan (Inggeris) menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang utama dalam semua pelajaran. Mengikut proses yang telah di-usahakan oleh Kementerian Pelajaran dan yang di-terima pula oleh Kerajaan, maka anak2 kita yang belajar di-Darjah I dalam tahun 1970 akan sampai ka-Tingkatan V dalam tahun 1980, dan mereka pula ka-universiti2 pada tahun 1983 dengan menggunakan sapenoh-nya bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang utama.

Jadi, saya berharap cherdek-pandai hendaklah dari sekarang berusaha lebeh2lagi memajukan bahasa itu. Jangan-lah semata2 hendak menchachi sahaja dengan tidak berusaha memberi apa2 sumbangan terhadap kemajuan ilmiah, akademik dan pelajaran sains dan teknologi. Masa-nya telah sampai bukan untok semata2 menterjemah buku2 dari bahasa asing ka-Bahasa Malaysia, tetapi untok menulis dan mengarang buku2 yang sesuai untok ra'ayat Malaysia yang belatar-belakangkan bangsa dan negara Malaysia.

Untok membanyakkan lagi guru2 sains, maka saya sedang menimbangkan kemungkinan membesarkan bilangan dermasiswa2 sains dan ilmu hisab dan dalam pada itu juga mengurangkan dermasiswa2 sastera. Saya berharap pelajar2 yang chenderong kapada sastera akan berkurangan oleh kerana kalau terus di-keluarkan siswazah2 sastera, maka keperluan (demand) untok mendapatkan pekerjaan bagi mereka ini ada-lah berkurangan. Jadi apa-kah guna-nya kita keluarkan terlalu ramai gulongan terpelajar saperti ini?

Saya suka menyentoh mengenai pelaksanaan dasar menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang **utama** di-sekolah2 kita. Kerajaan telah memberi keputusan untok melaksanakan dasar ini dengan tegas dan terator. Pensharah2, guru2, ibu bapa2 dan penuntut2 sendiri mesti-lah memainkan peranan mereka masing2 dalam soal pelaksanaan bahasa kebangsaan kita ini. Kementerian saya telah merancang chara2 dan langkah2 yang sistematik untok menchapai hasrat kebangsaan kita ini. Dari itu tidak ada sa-siapa kelak yang akan berkata bahawa mereka tidak di-beri chukup peluang bagi melengkapkan diri menguasai bahasa Malaysia. Saya suka memberi nasehat di-sini bahawa bagi mereka yang memilih untok mendayongkan perahu mereka menentang arus ini akan terasing dan ketinggalan.

Akibat langkah2 yang di-ranchangkan awal2 lagi, ini akan pertama sekali menjadikan sekolah2 Inggeris lambat laun hapus dan yang kedua-nya semua kanak2 akan belajar di-dalam satu bangunan yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang utama. Yang ketiga, peroses penyatuan Kebangsaan akan di-perluaskan lagi ketika anak2 itu membesar. Yang ke-empat-nya akan melibatkan Latehan Semula sa-bilangan besar guru2 yang ada untok melengkapkan diri mereka dengan bahasa pengantar ini. Yang kelima satu aliran baru bagi kanak2 untok masuk sekolah2 yang berhampiran dengan rumah mereka akan menyebabkan

ibu bapa2 dapat mengurangkan belanja daripada menghantar anak2 mereka ka-sekolah2 Inggeris yang telah lama di-tubuhkan. Akhir sekali, Kementerian ini juga akan dapat menjimatkan perbelanjaan-nya.

Pada malam ini suka saya mengulangi apa yang telah pernah saya sebutkan, bahawa sejajar dengan chita2 Rancangan Malaysia Yang Pertama dan chita2 negara keseluruhan-nya bagi Rancangan Malaysia Yang Kedua, maka objektif Kementerian Pelajaran yang akan kami laksanakan ini, ada-lah kebaikan pelajaran anak2 kita seperti berikut:-

- (A) Membangunkan dan memperkuatkan sistem Pelajaran Kebangsaan sebagai menyokong keseluruhan objektif yang telah di-ranchangkan untuk mengujudkan perpaduan Kebangsaan;
- (B) Untuk memperbaiki keadaan yang tidak sa-imbang dalam pelajaran, peluang2 dan bahan2 di-antara kawasan2 bandar dan luar bandar;
- (C) Akan berusaha melaksanakan terus dasar bahasa kebangsaan; dan
- (D) Untuk membaiki sistem pelajaran di-kedua2 aspek 'quantity dan quality' di-semua peringkat supaya memberi sumbangan kepada perkembangan ekor mi, sosial, kebudayaan dan politik negara kita.


Sa-lain daripada itu, Kementerian saya akan berusaha untuk mengadakan kemudahan2 bagi menampung kemasokan kanak2 di-semua peringkat di-sebabkan oleh bertambah-nya penduduk2 dan kurang-nya kadar kematian. Kementerian saya akan juga memperbaiki mutu pelajaran di-semua peringkat dengan membaiki lagi isi, chara mengajar, pentadbiran sekolah2 dan perkhidmatan guru2. Kementerian saya mengutamakan ketegasan ka-atas pelajaran sains, teknologi dan vokeshenal. Sa-lain daripada itu, ada-lah di-nyatakan di-sini bahawa Kementerian akan mempelbagaikan lagi pemilehan2 bidang pelajaran di-peringkat menengah sebagai **persediaan untuk melanjutkan pelajaran di-peringkat2 yang lebih tinggi**, dan menyediakan tenaga2 manusia yang produktif.

Hadhirin sakalian, dalam mempersoalkan kemajuan serta perkembangan pelajaran, saya suka-lah menegaskan di-sini bahawa Kementerian saya berusaha sedaya upaya-nya untok memberi pelajaran yang sechukup2 dan sepaling2 tinggi kapada anak2 kita bukan hanya untok lulus SRP atau pun SPM, malahan lebeh tinggi lagi hingga ka-Universiti dan juga ka-lain2 pusat pelajaran tinggi di-dalam negeri mahu pun di-luar negeri. Ingin-lah saya mengingatkan kaum2 pelajar bahawa ini semua tidak mudah di-chapai melainkan pelajar2 berusaha mempelajari ilmu pengetahuan yang sa-tinggi-nya. Di-harap dengan ada-nya pimpinan guru2, maka masa depan negara kita akan dapat memperolehi dan memperlengkapkan jenerasi yang terpelajar.

Saya faham bahawa Kesatuan2 Pelajar saperti ini memang berusaha untok memberi bantuan dan pelajaran yang baik kapada ahli2-nya. Oleh itu sudah sampai-lah masa-nya kita sama2 memainkan peranan untok memajukan pelajaran masharakat kita masa ini dan masa akan datang. Pelajar2 bukan-lah meminta sahaja dari Kerajaan tetapi sebalek-nya berusaha sendiri memajukan pelajaran diri masing2.

Saya di-fahamkan bahawa sa-panjang masa Perayaan Jubli Perak, Kesatuan Pelajar2 Melayu Selangor, banyak achara2 telah di-atorkan yang kesemua-nya mempersoalkan perkara2 pelajaran. Kapada mereka yang mengambil bahagian, saya berharap akan berusaha lebeh giat lagi dan kapada ibu-bapa2 mari-lah kita semua menyokong usaha pelajar2 ini agar chita2 yang murni dapat di-chapai.

Dengan itu saya dengan sukachita-nya meresmikan pembukaan Pelancharan Jubli Perak, Kesatuan Pelajar-Pelajar Melayu Selangor.





No Siri	13
No. Penerimaan	13/80